



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

# DASAR KOPERASI MALAYSIA 2030





# **Dasar Koperasi Malaysia 2030**

## **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

### **Hak Cipta Terpelihara**

Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

### **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62668 Putrajaya, Malaysia.





**DASAR KOPERASI**  
**MALAYSIA**  
**2030**

**Membina Sektor Koperasi  
yang Berdaya Tahan dan  
Berprestasi Tinggi**





# Kandungan



# Kandungan

<b>1. Landskap Koperasi Global .....</b>	<b>18</b>
<b>2. Landskap dan Prestasi Koperasi Malaysia .....</b>	<b>22</b>
2.1 Landskap Koperasi Malaysia .....	22
2.2 Prestasi Sektor Koperasi Malaysia.....	26
2.3 Prestasi Sektor Koperasi Mengikut Industri.....	29
<b>3. Sorotan Dasar Koperasi Negara 2011-2020 .....</b>	<b>34</b>
3.1 Latar belakang.....	34
3.2 Pencapaian DKN 2011-2020 (DKN II) .....	35
3.3 Pencapaian TransKoM 2021-2025 .....	37
<b>4. Cabaran Utama dan Trend Global .....</b>	<b>40</b>
4.1 Cabaran Koperasi.....	41
4.2 Cabaran Badan Kawal Selia dan Pembangunan Koperasi.....	44
4.3 Trend Global.....	46
4.4 Anjakan Paradigma .....	52
<b>5. Dasar Koperasi Malaysia 2030 .....</b>	<b>54</b>
5.1 Gambaran Keseluruhan Dasar .....	54
5.2 Teras Dasar dan Strategi.....	58
5.3 Fokus Industri .....	71
<b>6. Struktur Tadbir Urus.....</b>	<b>76</b>
6.1 Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Pelaksanaan (JPPP).....	76
6.2 Pejabat Pengurusan Transformasi (TMO) .....	77
6.3 Pasukan Kerja .....	77
<b>7. Melangkah ke Hadapan.....</b>	<b>80</b>



<b>Penghargaan.....</b>	<b>82</b>
<b>Rujukan .....</b>	<b>86</b>
<b>Akronim .....</b>	<b>90</b>

# Jadual Rajah

Rajah 1: Empat (4) Teras Dasar DaKoM 2030.....	14
Rajah 2: Strategi di bawah DaKoM 2030.....	15
Rajah 3: Koperasi Terkemuka Dunia Mengikut Rantau.....	18
Rajah 4: Bilangan Koperasi Teratas di Rantau APAC .....	19
Rajah 5: Sejarah Perkembangan Sektor Koperasi di Malaysia.....	22
Rajah 6: Badan Pentadbir dan Kawal Selia Koperasi di Malaysia.....	23
Rajah 7: Dasar Nasional yang Menjadi Panduan Pembangunan Sektor Koperasi.....	25
Rajah 8: Bilangan Koperasi Secara Kumulatif dari tahun 2008 hingga 2022 di Malaysia.....	26
Rajah 9: Bilangan Koperasi dan Anggota di Malaysia.....	27
Rajah 10: Prestasi Perolehan dan Aset Sektor Koperasi Malaysia .....	28
Rajah 11: Bilangan Koperasi dan Anggota Mengikut Industri .....	29
Rajah 12: Purata Bilangan Anggota Bagi Setiap Koperasi Mengikut Industri .....	30
Rajah 13: Kerangka Dasar Koperasi Negara 2011-2020 (DKN II) .....	34
Rajah 14: Cabaran Utama dan Trend Global yang Dihadapi oleh Sektor Koperasi.....	40
Rajah 15: Tujuh (7) Prinsip Koperasi .....	41
Rajah 16: Tinjauan Kekerapan Kerjasama Antara Koperasi di Malaysia .....	41
Rajah 17: Pecahan Perolehan dan CAGR Koperasi Mengikut Industri, 2011-2022.....	43
Rajah 18: Koperasi Mengikut Kumpulan Sasar, 2022.....	45
Rajah 19: Trend Global Yang Mempengaruhi Pembangunan Sektor Koperasi .....	46
Rajah 20: Komposisi Kumpulan Umur di Malaysia, 2020 dan 2050 (Unjuran) .....	47
Rajah 21: Pemandaran Dan Kadar Penduduk Luar Bandar di Malaysia, 1970-2020 [%] .....	48
Rajah 22: Peralihan Utama Digital dan Teknologi Semasa Pandemik COVID-19 .....	50
Rajah 23: Komitmen Malaysia Terhadap Kemampanan di bawah RMKe-12.....	51

Rajah 24: Anjakan Paradigma Sektor Koperasi di Malaysia .....	52
Rajah 25: Kerangka Dasar Koperasi Malaysia 2030 .....	57
Rajah 26: Teras Dasar dan Strategi di Bawah Dasar Koperasi Malaysia 2030 .....	58
Rajah 27: Struktur Tadbir Urus Dasar Koperasi Malaysia 2030 .....	76
Rajah 28: Keberhasilan Dasar Koperasi Malaysia 2030 .....	80



# Ringkasan Eksekutif





# Ringkasan Eksekutif

Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) merupakan hala tuju strategik bagi pembangunan koperasi dalam meningkatkan prestasi ekonomi dan kesejahteraan sosial anggotanya dengan visi untuk menjadikan sektor ini sebagai pemangkin utama pertumbuhan sosioekonomi Malaysia. Selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12), DaKoM 2030 akan bertindak sebagai pemangkin kepada aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang membangun secara mampan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif, bagi meningkatkan taraf hidup rakyat dan seterusnya muncul sebagai peneraju ekonomi Asia.

**Tiga (3) objektif utama telah ditetapkan di bawah DaKoM 2030 iaitu:**


1. **Pertumbuhan ekonomi**  
Sektor koperasi menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.
2. **Produktif dan aktif**  
Membentuk koperasi yang berkemampuan dan kukuh serta diterima rakyat Malaysia.
3. **Model perniagaan pilihan**  
Meletakkan koperasi sebagai model perniagaan pilihan dalam memacu pembangunan sosioekonomi Malaysia.

**Objektif DaKoM 2030 akan berlandaskan kepada empat (4) teras dasar iaitu:**



Rajah 1: Empat (4) Teras Dasar DaKoM 2030

**Pelaksanaan DaKom 2030 akan direalisasikan melalui 20 strategi pemangkin:**



Rajah 2: Strategi di bawah DaKom 2030



**1**

# **Landskap Koperasi Global**



# 1. Landskap Koperasi Global

Model koperasi adalah berasaskan prinsip yang melangkaui keuntungan. Apabila dimanfaatkan dengan sewajarnya, koperasi boleh memberi impak yang signifikan kepada sosioekonomi sesebuah negara.

Sehingga tahun 2020, perolehan sektor koperasi global adalah berjumlah USD 2 trilion yang disumbangkan oleh kira-kira 3 juta koperasi dan 1 bilion anggota. Sebahagian besar koperasi terbaik di dunia berpangkalan di Eropah iaitu 54% daripada 300 koperasi<sup>1</sup>. Majoriti daripada koperasi ini beribu pejabat di negara-negara seperti Perancis, Jerman dan Belanda.

## Di peringkat global, koperasi telah mantap sebagai satu sektor



> 3 juta  
koperasi




> 1 bilion  
anggota  
koperasi



> 2 trilion  
USD perolehan  
tahunan

## 300 Koperasi terbaik 2020 di dunia




Rajah 3: Koperasi Terkemuka Dunia Mengikut Rantau

<sup>1</sup> Kedudukan adalah berdasarkan *International Cooperative Alliance's World Cooperative Monitor 2022*.



Di Asia Pasifik (APAC), sektor koperasi di Jepun adalah yang terbesar dengan anggota berjumlah kira-kira 84% daripada penduduk negara itu dan sektor ini mencatatkan perolehan sebanyak USD 115 bilion pada 2020. Negara ini juga mewakili hampir separuh (42%) daripada koperasi terbaik di APAC, antara yang utama adalah Nippon Life (insurans), National Federation of Agricultural Cooperative Associations - ZEN-NOH (pertanian) dan Hokuren Federation of Agricultural Cooperatives (pertanian).

Di Asia Tenggara, sektor ini diterajui oleh tiga (3) koperasi besar iaitu Koperasi Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau Bank Rakyat (perkhidmatan kewangan) di Malaysia, serta NTUC Fairprice (perdagangan borong dan runcit) dan NTUC Income (insurans) di Singapura.



### Perincian

- Daripada 300 koperasi yang teratas, **53** adalah dari Asia Pasifik
- **42%** daripada koperasi APAC berasal dari Jepun
- Di Asia Tenggara, hanya **3 koperasi berada dalam kedudukan 300 teratas**. 3 koperasi dan sektor tumpuan masing-masing ialah:

**Bank Rakyat, Malaysia**  
Perkhidmatan kewangan

---

**NTUC Fairprice, Singapura**  
Perdagangan borong & runcit

---

**NTUC Income, Singapura**  
Insurans

Rajah 4: Bilangan Koperasi Teratas di Rantau APAC



2

 **TASKA CAHAYA MATA (TCM)**  
KOPERASI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERHAD  
TEL: 03-8946 8884 FAX: 03-8948 9796 Email


# Landskap dan Prestasi Koperasi Malaysia

## 2. Landskap dan Prestasi Koperasi Malaysia

### 2.1 Landskap Koperasi Malaysia

Sejarah koperasi Malaysia bermula pada tahun 1922 apabila Enakmen Syarikat Bekerjasama-Sama (*The Co-operative Societies Enactment 1922 [FMS Cap. 97 of 1935]*) diluluskan. Koperasi pertama ditubuhkan ialah koperasi kredit bandar, iaitu Syarikat Bekerjasama-Sama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pekerja-Pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad atau *The F.M.S Post and Telegraph Co-operative Thrift and Loan Society Limited*

*Company* (kini dikenali sebagai Koperasi Telekom Malaysia Berhad) yang didaftarkan pada 21 Julai 1922. Walau bagaimanapun, gerakan koperasi hanya mula mendapat tarikan anggota antara 1950-an dan 1960-an, berikutan peristiwa penting seperti penubuhan Bank Agong (kini dikenali sebagai Bank Rakyat) pada tahun 1954, Maktab Kerjasama Malaysia (kini dikenali sebagai IKMa) pada tahun 1956, dan penganjuran kongres koperasi pertama pada tahun 1966.



Rajah 5: Sejarah Perkembangan Sektor Koperasi di Malaysia

Kini, sektor koperasi terdiri daripada lebih 15,300 koperasi dengan lebih 7.3 juta anggota. Majoriti anggotanya terdiri daripada orang awam dan juga pelajar sekolah.

**Rangka kerja kawal selia dan pembangunan koperasi meliputi tiga (3) perundangan iaitu:**

- **Akta Koperasi 1993 [Akta 502]:** Mentadbir penubuhan, pendaftaran, pengendalian dan pengurusan koperasi
- **Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665]:** Mentadbir penubuhan SKM
- **Akta Kolej Koperasi (Pemerbadanan) 1968 [Akta 437]:** Mentadbir pemerbadanan IKMa

Tadbir urus sektor koperasi terdiri daripada empat (4) entiti iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang menetapkan hala tuju keseluruhan pembangunan sektor koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang mengawal selia pembangunan dan pelaksanaan dasar berkaitan sektor koperasi, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang menguruskan latihan dan pendidikan koperasi dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), iaitu badan puncak gerakan koperasi Malaysia (apex) yang memberikan sokongan dan bimbingan kepada semua koperasi.



**Badan yang mewakili gerakan koperasi Malaysia di peringkat nasional dan antarabangsa**

- Bertindak sebagai wakil (entiti Apex)
- Memberi sokongan & bimbingan kepada koperasi

Rajah 6: Badan Pentadbir dan Kawal Selia Koperasi di Malaysia



Sejak tahun 2002, Malaysia telah melaksanakan dua (2) dasar berkaitan koperasi di peringkat nasional iaitu Dasar Koperasi Negara 2002 – 2010 (DKN I) yang bertujuan untuk memperkemas struktur sektor koperasi, dan Dasar Koperasi Negara 2011-2020 (DKN II) yang merupakan kesinambungan strategik untuk meningkatkan sumbangan ekonomi sektor koperasi kepada pembangunan negara. Pada tahun 2021, Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 telah dilancarkan dengan objektif untuk membangunkan gerakan koperasi yang lebih progresif dan berdaya saing.

Melangkah ke hadapan, sebagaimana amalan dasar-dasar terdahulu, hala tuju dan pembangunan bagi sektor koperasi akan dipandu oleh beberapa dasar nasional.

Rujukan yang utama ialah Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Kajian Separuh Penggal RMKe-12 (KSP RMKe-12). Di bawah dasar ini, sektor koperasi disasarkan untuk meningkatkan aspek keupayaan anggota dan hasil ekonomi secara keseluruhan. Selain itu, sektor koperasi juga akan memangkin aspirasi Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat iaitu meningkatkan taraf hidup rakyat melalui kesaksamaan peluang ekonomi dan sosial.

Dasar-dasar nasional lain<sup>2</sup> yang menjadi panduan pembangunan sektor koperasi adalah merangkumi bidang keusahawanan, keusahawanan sosial, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), teknologi dan pendigitalan, serta perindustrian.

---

<sup>2</sup> Rujukan tidak terhad kepada senarai pelan hala tuju seperti dalam Rajah 7.

**Visi nasional**



**Pelan hala tuju nasional**




Rajah 7: Dasar Nasional yang Menjadi Panduan Pembangunan Sektor Koperasi

## 2.2 Prestasi Sektor Koperasi Malaysia

Sektor koperasi negara telah berkembang dengan pesat sejak penubuhan SKM pada tahun 2008. Pelbagai kempen dan promosi pemasaran telah dianjurkan untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai gerakan koperasi.

Pertumbuhan ini terus mengukuh berikutan pelaksanaan dasar kedua koperasi iaitu DKN II yang menetapkan sasaran untuk mencapai 16,000 koperasi menjelang tahun 2020.




Rajah 8: Bilangan Koperasi Secara Kumulatif dari tahun 2008 hingga 2022 di Malaysia


Bermula tahun 2011, bilangan koperasi meningkat pada kadar 4.9% daripada 9,074 kepada 15,315. Jumlah anggota koperasi juga menyaksikan peningkatan iaitu sebanyak

0.4% daripada 7.0 juta kepada 7.3 juta. Ini berikutan usaha berterusan untuk menambah bilangan anggota koperasi yang aktif telah giat dilaksanakan.

### Jumlah Koperasi (2011, 2020 & 2022) [bilangan koperasi]



### Anggota Koperasi (2011, 2020 & 2022) [bilangan anggota, '000]




Rajah 9: Bilangan Koperasi dan Anggota di Malaysia


Dalam tempoh yang sama, jumlah perolehan dan nilai aset sektor koperasi masing-masing meningkat sebanyak 6.4% dan 5.1%. Sehingga 2022, sektor koperasi telah menjana perolehan sebanyak RM 45.5 bilion dan memiliki

aset bernilai RM 159.6 bilion. Perolehan dan nilai aset setiap anggota<sup>3</sup> telah menyaksikan trend yang meningkat di mana masing-masing mencatat pertumbuhan 6.0% dan 4.7%.

### Prestasi Perolehan Koperasi (2011, 2020 & 2022)



### Prestasi Aset Koperasi (2011, 2020 & 2022)



Rajah 10: Prestasi Perolehan dan Aset Sektor Koperasi Malaysia

<sup>3</sup> Perolehan per anggota: Jumlah perolehan bahagi jumlah anggota; Aset per anggota: Nilai aset bahagi jumlah anggota.




### 2.3 Prestasi Sektor Koperasi Mengikuti Industri


Industri perkhidmatan yang merangkumi aktiviti perbankan, kredit, pengangkutan, pengguna dan lain-lain perkhidmatan merupakan industri terbesar yang diceburi oleh sektor koperasi. Ini diikuti oleh industri pertanian. Rajah 11 menunjukkan pertumbuhan industri berkenaan dari tahun 2011 hingga 2022.

Sejak 2013, koperasi yang memfokuskan aktiviti hospitaliti dan pelancongan berjaya memperoleh dan menyiapkan pelbagai projek, serta menjadi terkenal di dalam dan luar negara. Koperasi ini termasuklah Koperasi Pelancongan Mukim Batu Puteh Kinabatangan Berhad dan Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad. Selain itu, sub-industri perkhidmatan penjagaan diri dan kesihatan menyaksikan penglibatan koperasi dalam pelbagai bidang seperti hospital, klinik, farmasi, spa dan pusat dialisis.

**Bilangan Koperasi Mengikut Industri (2011, 2020 & 2022)**  
[bilangan koperasi]




**Bilangan Anggota Koperasi Mengikut Industri (2011, 2020 & 2022)**  
['000 anggota koperasi]



Rajah 11: Bilangan Koperasi dan Anggota Mengikut Industri

Bagi industri pertanian, usaha untuk meningkatkan penglibatan sektor koperasi adalah termasuk aktiviti pembangunan semula tanah ladang terbiar, pengoptimuman sumber asli sedia ada dan pengurusan bekalan produk pertanian di pasaran.

Industri perkhidmatan kewangan (perbankan dan kredit) kekal paling kukuh berbanding industri yang lain. Sehingga 2022, purata bilangan anggota bagi setiap koperasi perbankan berjumlah 453,254, manakala bagi koperasi kredit berjumlah 2,636. Lain-lain industri<sup>4</sup> seperti perindustrian, perumahan dan pembinaan, serta lain-lain perkhidmatan mempunyai purata hanya 282 anggota bagi setiap koperasi.



Rajah 12: Purata Bilangan Anggota Bagi Setiap Koperasi Mengikut Industri

<sup>4</sup> Lain-lain industri termasuk perindustrian, perumahan dan pembinaan, serta lain-lain perkhidmatan.

Pada tahun 2022, industri perkhidmatan kewangan telah mencatatkan perolehan tertinggi sebanyak RM38.5 bilion, mewakili 85% daripada jumlah perolehan sektor koperasi. Sub-industri di bawah perkhidmatan kewangan juga menyaksikan kadar pertumbuhan paling kukuh dari tahun 2011 hingga 2022. Perolehan aktiviti perbankan dan kredit masing-masing meningkat sebanyak 19% dan 11%, manakala industri lain hanya mencatat pertumbuhan sederhana sekitar 2% hingga 6%.

Berdasarkan prestasi semasa sektor koperasi, pendekatan baharu hendaklah diambil untuk mencapai sasaran nasional yang ditetapkan dalam DKN 2030 dan RMKe-12. Salah satu bidang tumpuan utama ialah memastikan sumbangan yang seimbang daripada semua industri yang diceburi koperasi. Ini akan dicapai melalui peningkatan kefahaman dan pengetahuan anggota koperasi terhadap industri tersebut, terutamanya dari aspek kapasiti dan keupayaan untuk beroperasi.



3

# Sorotan Dasar Koperasi Negara 2011-2020



### 3. Sorotan Dasar Koperasi Negara 2011-2020

#### 3.1 Latar Belakang

Dasar Koperasi Negara 2002 – 2010 (DKN I) ialah dasar pertama yang telah diperkenalkan pada tahun 2002 bagi mengiktiraf pertambahan kepentingan dan potensi peranan koperasi dalam pembangunan negara. DKN I secara efektif telah membolehkan gerakan koperasi memainkan peranan yang lebih aktif melalui perkemasan struktur tadbir urus, menempatkan semua koperasi di bawah seliaan satu Kementerian, dan memperluas undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

DKN I telah diperbaharui pada tahun 2010 melalui Dasar Koperasi Negara 2011 – 2020 (DKN II) untuk meneruskan usaha yang telah dilaksanakan. Berlatar belakangkan perubahan pesat dalam aspek ekonomi dan alam sekitar, DKN II memfokuskan kepada lima (5) teras strategik seperti berikut untuk meningkatkan sumbangan sektor koperasi:




Rajah 13: Kerangka Dasar Koperasi Negara 2011-2020 (DKN II)



### 3.2 Pencapaian DKN 2011-2020 (DKN II)

Sepanjang tempoh 10 tahun, banyak kejayaan telah dapat dicapai di bawah DKN II.



Berikut merupakan antara pencapaian DKN II:

#### **Teras Strategik I: Merangsang penglibatan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi**

DKN II telah berjaya merangsang penyertaan koperasi dalam sektor ekonomi bernilai tinggi melalui beberapa usaha yang dilakukan. Salah satu kejayaan utama ialah pembangunan industri perkhidmatan kewangan sebagai penyumbang terbesar kepada perolehan sektor koperasi. Diterajui oleh Bank Rakyat dan Co-opbank Pertama, industri perkhidmatan kewangan menyumbang sebanyak 88% daripada jumlah perolehan sektor koperasi setakat 2020.

Beberapa langkah juga telah diambil untuk mengembangkan produk koperasi di peringkat tempatan dan antarabangsa. Sehingga 2020, sejumlah 126 produk dan perkhidmatan baharu koperasi telah dibangunkan dan dilancarkan untuk bersaing di Malaysia dan Singapura.

Memahami kepentingan teknologi dan keperluan amalan kemampanan, koperasi pertanian dan penternakan telah digalakkan untuk mengguna pakai teknologi hijau. Hasilnya, 3.9% daripada semua koperasi pertanian dan penternakan telah menggunakan teknologi hijau dan mencapai sasaran melebihi 3.5% yang ditetapkan di bawah DKN II.

## **Teras Strategik 2: Memantapkan keupayaan dan kebolehan koperasi**

Usaha memperkukuh keupayaan dan kebolehan koperasi menyaksikan 191 koperasi besar dan sederhana memiliki pengurusan yang profesional dan mengguna pakai teknologi moden.

Sementara itu, usaha menambah bilangan koperasi berskala besar dan sederhana menyaksikan pelbagai entiti digalakkan untuk bergabung dan bekerjasama antara satu sama lain, serta menceburi bidang baharu.

## **Teras Strategik 3: Mewujud dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi**

Pelbagai usaha telah dilakukan untuk membangunkan keupayaan modal insan koperasi. Antara langkah yang diambil termasuklah menambah bilangan anggota lembaga koperasi untuk mengikuti kursus latihan wajib, meluaskan pengetahuan anggota koperasi, menambah bilangan graduan di institusi pendidikan berfokuskan koperasi dan lain-lain. Sehingga 2019, IKMa telah menyediakan latihan kepada 154,284 anggota, anggota lembaga, jawatankuasa audit dalaman dan pekerja koperasi, iaitu mencapai hampir 400% daripada sasaran 31,051 orang yang telah ditetapkan.

## **Teras Strategik 4: Meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi**

Penekanan juga diberikan kepada peningkatan keyakinan orang awam terhadap gerakan koperasi. Salah satu usaha utama yang dijalankan ialah dengan menambah bilangan koperasi di sekolah menengah, serta institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Pada penghujung pelaksanaan DKN II, 100% sekolah menengah, lebih 70% institusi pendidikan tinggi awam dan 10 buah institusi pendidikan tinggi swasta telah menubuhkan koperasi.

Tumpuan juga diberikan kepada penambahan bilangan koperasi dan anggota dalam kalangan orang awam di negara ini.

## **Teras Strategik 5: Memperkukuhkan koperasi melalui seliaan dan penguatkuasaan berkesan**

Usaha ditumpukan kepada pengukuhan operasi koperasi melalui penyeliaan dan penguatkuasaan yang berkesan. Ini boleh dilihat melalui dorongan untuk pengauditan kewangan yang lebih baik, amalan tadbir urus dalam operasi koperasi dan penambahbaikan dalam profil awam. Sebanyak 88% koperasi yang menjalani Pemeriksaan Usaha Wajar (DDE) bagi tahun 2020 telah disahkan oleh SKM mencapai penarafan kecemerlangan perniagaan 3 bintang dan ke atas (daripada 4) dan kes ketidakpatuhan dalam kalangan koperasi berkurang ke tahap yang rendah iaitu 0.3%.

### 3.3 Pencapaian TransKoM 2021-2025

Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 telah dilancarkan pada 2021 dengan objektif untuk memacu pembangunan sektor koperasi dalam tempoh 5 tahun. Walaupun pelan ini masih dalam pelaksanaan sehingga 2025, secara keseluruhannya ia menunjukkan kemajuan yang positif dan berada dalam landasan matlamat transformasi yang disasarkan. Pencapaian utama TransKoM setakat ini adalah seperti berikut:

- Pembangunan asas bagi Indeks Gerakan Koperasi dan Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi. Indeks tersebut akan membolehkan sektor koperasi mengukur impak terhadap pembangunan sosial dan alam sekitar, serta kesejahteraan anggota koperasi secara berkesan;
- Pembangunan modul latihan untuk pemerksaan anggota lembaga, anggota dan pengurusan koperasi;
- Penubuhan Jawatankuasa Carian (i-SEARCH) dengan objektif untuk mengenal pasti bakat (terutamanya profesional) bagi sektor koperasi;
- Pembangunan platform padanan perniagaan untuk koperasi; dan
- Penubuhan enam (6) federasi koperasi dalam industri perkhidmatan kewangan, borong dan runcit, pertanian dan industri asas tani, hartanah dan pembinaan, pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan, dan perladangan untuk mengatasi cabaran gangguan rantaian bekalan dan ketidakstabilan harga barangan.

TransKoM 2021-2025 mewakili langkah utama dalam mentransformasikan sektor koperasi untuk menyumbang secara positif kepada sasaran Dasar Koperasi Malaysia yang baharu.





4

# Cabaran Utama dan Trend Global

## 4. Cabaran Utama dan Trend Global

Sektor koperasi di Malaysia mempunyai potensi kemajuan yang besar dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia. Pencapaian terdahulu telah mengartikulasikan bagaimana sektor ini dapat melaksanakan dasar dengan lebih baik, mengambilkira trend semasa dalam persekitaran luaran.

Terdapat empat (4) cabaran utama dan lima (5) trend global telah dikenal pasti dan ianya menjadi asas bagi perasionalan dalam penggubalan Dasar Koperasi Malaysia yang baharu.




Rajah 14: Cabaran Utama dan Trend Global yang Dihadapi oleh Sektor Koperasi

## 4.1 Cabaran Koperasi

### 4.1.1 Prinsip dan Pemikiran Koperasi


Kejayaan mana-mana koperasi mestilah melangkaui pulangan ekonomi dan merangkumi impak kepada anggota dan masyarakat. Kejayaan ini adalah berasaskan kepada tujuh (7) prinsip koperasi seperti berikut:



Rajah 15: Tujuh (7) Prinsip Koperasi

Gerakan koperasi telah lama wujud di negara ini. Namun begitu, kebanyakan anggota kekal memfokuskan kepada pulangan dividen dan ganjaran serta kurang memberi sumbangan terhadap aktiviti koperasi.

Terdapat anggota lembaga yang kurang mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam pengurusan perniagaan. Walaupun pelaksanaan dasar sebelum ini telah mencatatkan penyertaan latihan yang tinggi dalam kalangan anggota lembaga, namun tahap pemahaman masih rendah dalam hal celik kewangan, pengurusan operasi, strategi pemasaran dan perniagaan.



Rajah 16: Tinjauan Kekerapan Kerjasama Antara Koperasi di Malaysia

Selain itu, tinjauan juga mendapati lebih 60% koperasi kurang mempunyai kerjasama antara koperasi menyebabkan ia tidak mempunyai kekuatan dari aspek modal, jaringan perniagaan, pengetahuan dan kepakaran serta sukar berkembang maju.


Kesimpulannya, pendidikan semula prinsip koperasi perlu dilaksanakan dengan objektif untuk meningkatkan pemahaman dan penerapan prinsip tersebut dengan berkesan bagi menganjakkkan minda berkoperasi dalam kalangan anggota.



#### 4.1.2 Sumbangan dan Prestasi

Sektor koperasi didominasi oleh industri perkhidmatan kewangan<sup>5</sup>. Sejak 2011, industri ini menyumbang secara purata 68% kepada jumlah perolehan sektor koperasi. Pada 2022, sumbangan industri ini meningkat kepada

85%. Industri ini juga mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi sekitar 11% hingga 19% dalam tempoh 12 tahun. Sebaliknya, industri lain hanya mencatatkan kadar pertumbuhan maksimum 6% dalam tempoh yang sama.



Rajah 17: Pecahan Perolehan dan CAGR Koperasi Mengikut Industri, 2011-2022

<sup>5</sup> Industri perkhidmatan kewangan koperasi terdiri daripada aktiviti perbankan dan kredit.

Pada tahun 2022, purata perolehan koperasi selain daripada industri perkhidmatan kewangan adalah sekitar RM450,000 berikutan pengurusan dalaman koperasi yang kurang cekap. Terdapat koperasi yang mempunyai rekod kewangan yang kurang teratur, di mana ia boleh menjejaskan keupayaan untuk mendapatkan pinjaman atau dana daripada pelbagai sumber, walaupun ianya tersedia secara meluas. Ketidakecakapan ini menyebabkan koperasi terpaksa bergantung kepada sumber konvensional untuk modal seperti yuran keanggotaan dan modal saham. Ini menyukarkan koperasi beroperasi dengan cekap dan melaksanakan aktiviti berpertumbuhan tinggi.

Pemilihan kepimpinan juga mempengaruhi prestasi koperasi. Proses pemilihan anggota lembaga dan pengurusan koperasi yang baik hendaklah berdasarkan kriteria dan penilaian kompetensi yang ditetapkan. Ia membolehkan anggota kepimpinan yang dipilih dapat melaksanakan fungsi korporat dengan betul. Kepimpinan yang profesional dan berpengalaman akan membantu koperasi merangka strategi yang efektif untuk peningkatan prestasi.

Tinjauan yang dijalankan oleh IKMa pada 2021 mendapati hampir separuh daripada responden memohon kursus teknologi/digital asas untuk menyokong operasi perniagaan koperasi seperti pemasaran, pengurusan operasi dan kewangan. Ini menunjukkan bahawa koperasi masih di peringkat awal penggunaan digital dalam operasi perniagaan. Melangkah ke hadapan, tumpuan hendaklah diberikan kepada peningkatan kemahiran digital dalam kalangan anggota supaya bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

## 4.2 Cabaran Badan Kawal Selia dan Pembangunan Koperasi

### 4.2.1 Sokongan Koperasi


Beberapa kementerian, agensi dan jabatan kerajaan telah secara langsung dan tidak langsung terlibat dalam aktiviti pembangunan sektor koperasi di Malaysia. Walaupun tujuannya adalah untuk memastikan sokongan holistik diberikan kepada koperasi, aktiviti yang dijalankan adakalanya bertindih dan tidak sepadu. Terdapat juga koperasi yang kurang memahami peranan utama badan kawal selia dan pembangunan koperasi untuk dirujuk bagi mendapatkan khidmat nasihat terhadap isu dan cabaran yang dihadapi.

Selain itu, cabaran seperti pangkalan data koperasi yang tidak sepadu, kurang kerjasama antara agensi, dan peraturan yang kompleks menghalang penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada koperasi. Justeru, badan kawal selia dan pembangunan koperasi perlu diperkasakan bagi memastikan cabaran yang dihadapi dapat ditangani dengan berkesan.

## 4.2.2 Operasi Dalaman

Pengukuran prestasi sektor koperasi hendaklah melangkaui pencapaian ekonomi dan merangkumi impak sosial kepada masyarakat. Indikator seperti taraf hidup anggota, sumbangan sosial dan sebagainya harus dibangunkan dan diukur secara konsisten untuk mencerminkan prestasi sebenar sektor koperasi dalam pembangunan sosioekonomi. Sumber untuk mengurus prestasi sektor koperasi juga terhad, di mana badan kawal selia dan pembangunan koperasi sering kekurangan tenaga kerja dan sumber kewangan untuk melaksanakan tugas dengan berkesan. Keadaan ini secara tidak langsung boleh menyumbang kepada pelaksanaan dasar yang lemah.

Walaupun koperasi kini telah berkembang dalam pelbagai industri, reputasi koperasi masih kurang mendapat pengiktirafan umum. Golongan belia dan profesional masih kurang berminat menyertai koperasi. Sehingga 2022, golongan belia dan profesional hanya mewakili 1.4% daripada jumlah anggota koperasi.



Rajah 18: Koperasi Mengikut Kumpulan Sasar, 2022

Selain itu, kebanyakan orang awam masih kurang memahami konsep koperasi dan faedahnya. Jurang komunikasi merupakan perkara yang mesti ditangani dan diambilkira oleh badan kawal selia dan pembangunan koperasi untuk menarik minat umum dan mengadaptasi model koperasi.

### 4.3 Trend Global

Perkembangan global yang sentiasa berevolusi dengan perubahan luar jangka dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar telah menyebabkan berlakunya trend semasa yang perlu diadaptasi dan disesuaikan bagi membolehkan gerakan koperasi kekal relevan dan signifikan.

Terdapat lima (5) trend global yang dikenalpasti akan mempengaruhi prestasi dan sumbangan koperasi dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia.

#### 1 Peralihan Demografi



- Penduduk yang semakin tua karena jangka hayat yang lebih tinggi
- Pertumbuhan penduduk akan menjadi perlahan di kebanyakan negara maju

#### 2 Jurang Antara Bandar dan Luar Bandar



- Perbandaran yang pesat menyebabkan migrasi dari luar bandar ke Kawasan bandar
- Kebanyakan pembangunan hanya tertumpu kepada kawasan bandar

#### 3 Ketidaktentuan Ekonomi



- Krisis COVID-19 telah menyebabkan kemerosotan yang teruk
- Lebih ramai yang akan menyertai ekonomi tidak formal kerana kehilangan pekerjaan

#### 4 Inovasi dan Teknologi



- Inovasi dalam teknologi seperti AI dan robotik
- Peralihan cara kerja dan cara hidup

#### 5 Perubahan Iklim



- Pembebasan gas rumah hijau yang berterusan mencetuskan pemanasan global
- Negara membangun paling berisiko

Rajah 19: Trend Global Yang Mempengaruhi Pembangunan Sektor Koperasi

### 4.3.1 Peralihan Demografi


Populasi penduduk tua global dijangka akan meningkat disebabkan jangka hayat yang lebih tinggi dan penjagaan kesihatan yang lebih baik. Trend sedemikian boleh diperhatikan di Malaysia, di mana populasi warga emas (65 tahun dan ke atas) dijangka meningkat sebanyak 10% dan populasi golongan muda (14 tahun dan ke bawah) menurun sebanyak 6% dari tahun 2020 hingga 2050. Implikasinya adalah populasi penduduk yang bekerja (umur 15 ke 64 tahun)<sup>6</sup> semakin berkurangan dan persaraan mungkin akan dilanjutkan ke usia yang lebih tinggi.

Daripada perspektif sektor koperasi, industri seperti penjagaan kesihatan dan penjagaan warga emas merupakan peluang yang berpotensi untuk diterokai. Sokongan berkaitan boleh dibangunkan untuk koperasi yang menceburi bidang ini.

#### Kajian Kes:

### 日本高齢者生活協同組合連合会

Di Jepun, Koperasi Koreikyo menyediakan penjagaan untuk warga emas yang lemah (75 tahun dan ke atas) melalui warga emas yang aktif (55 hingga 75 tahun). Ia juga menyokong warga emas yang aktif mencari pekerjaan bergaji. Ini membantu warga emas untuk terus menyumbang kepada masyarakat dan membantu menangani tekanan ekonomi yang dihadapi oleh negara dengan populasi semakin tua.



Rajah 20: Komposisi Kumpulan Umur di Malaysia, 2020 dan 2050 (Unjuran)

<sup>6</sup> Berdasarkan klasifikasi Jabatan Perangkaan Malaysia, kumpulan umur bekerja adalah dari 15 hingga 64 tahun.

### 4.3.2 Jurang Antara Bandar dan Luar Bandar

Pembandaran adalah trend yang semakin mengukuh di seluruh dunia dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Dalam tempoh 50 tahun yang lalu, kadar pembandaran di Malaysia juga telah meningkat daripada 28.4% pada tahun 1970 kepada 75.1% pada tahun 2020<sup>7</sup>. Trend migrasi penduduk dari luar bandar ke kawasan bandar telah didorong oleh prospek pekerjaan, pendidikan dan kemudahan yang lebih baik serta tarikan sosial yang lain. Negeri yang menyaksikan kadar pembandaran tertinggi ialah Johor, Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur. Manakala Sabah, Perlis, Terengganu dan Sarawak adalah yang terendah.

Tahun	Bandar	Luar Bandar
1970	28.4	71.6
1980	34.2	65.8
1990	50.7	49.3
2000	61.7	38.3
2010	70.9	29.1
2020	75.1	24.9

Rajah 21: Pembandaran Dan Kadar Penduduk Luar Bandar di Malaysia, 1970-2020 [%]

Walaupun peningkatan pembandaran merupakan faktor positif dalam keseluruhan pembangunan sosioekonomi sesebuah negara, ia melebarkan lagi jurang antara kawasan bandar dan luar bandar. Kerajaan menyedari perkara ini dan telah membangunkan dasar dan pelan nasional untuk meningkatkan aspek sosioekonomi kawasan dan masyarakat luar bandar. Inisiatif yang dilaksanakan termasuklah memacu keusahawanan luar bandar dan mengukuhkan pengetahuan dan keupayaan mereka melalui pembinaan kapasiti.

#### Kajian Kes:



Di Amerika Syarikat, Westby Creamery ialah koperasi petani yang ditubuhkan untuk menyokong petani, di mana anggota diberi tapak untuk menjual produk mereka. Pembelajaran sedemikian boleh direplikasi, dengan mengambil kira perancangan sedia ada, untuk menggalakkan penggunaan model koperasi oleh masyarakat luar bandar.

Berdasarkan tinjauan yang dilaksanakan<sup>8</sup>, hampir 50% responden secara positif menyatakan bahawa trend seperti perubahan demografi dan jurang antara bandar dan luar bandar tidak memberi kesan kepada mereka. Oleh itu, sokongan lanjut dalam bidang seperti penerokaan industri baharu dan pembinaan kapasiti perlu disediakan kepada koperasi.

<sup>7</sup> Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

<sup>8</sup> Analisis perunding berdasarkan tinjauan yang dilaksanakan dari 23 Februari 2022 sehingga 16 Mac 2022 ke atas 754 koperasi Malaysia.

### 4.3.3 Ketidaktentuan Ekonomi

Pandemik COVID-19 telah melebarkan jarak sosial dan ekonomi dalam tempoh 2 tahun yang lalu. Untuk mengawal penularan penyakit ini, pergerakan penduduk dihadkan. Banyak perniagaan terpaksa ditutup sama ada sementara atau kekal dan pekerja diberhentikan.

Konflik geopolitik yang berterusan di antara kuasa-kuasa besar dunia turut memburukkan lagi keadaan ekonomi global, menyebabkan berlakunya sekatan perdagangan, gangguan kepada rantai bekalan dan peningkatan harga komoditi. Tekanan harga dan kos yang meningkat susulan daripada gangguan rantai bekalan global juga menyebabkan perusahaan dan koperasi perlu menanggung kos pengeluaran yang lebih tinggi.

Impak ekonomi turut dirasai semasa bencana banjir tahun 2021 dan 2022 di Semenanjung Malaysia, yang menyaksikan banyak perniagaan mengalami kerosakan premis dan barang niaga sama ada di kedai, bengkel dan kilang. Bencana sedemikian dijangka akan berulang pada masa hadapan dan memerlukan tempoh untuk pemulihan. Tambahan pula, kebanyakan perusahaan dan koperasi di Malaysia mempunyai tahap ketersediaan menghadapi bencana yang rendah serta tidak mempunyai sebarang perlindungan sosial seperti insurans perniagaan.

Kesannya, lebih ramai individu memilih bekerja di dalam sektor informal dan ekonomi 'gig' dengan pendapatan yang tidak menentu dan perlindungan sosial yang minimum. Terdapat sebilangan kecil koperasi telah menjalankan perkhidmatan menyediakan keperluan seperti perlindungan insurans dan pembaharuan cukai

jalan kepada anggota yang bekerja dalam sektor informal terutamanya mereka yang terlibat dalam industri perkhidmatan penghantaran. Model koperasi boleh dipromosikan sebagai satu bentuk perlindungan sosial dan ekonomi kepada pekerja sektor informal.

#### Kajian Kes:

The logo for Stocksy United op features the word 'Stocksy' in a large, black, cursive script font. Below it, the words 'co UNITED op' are written in a smaller, black, sans-serif font.

Di Kanada, koperasi fotografi Stocksy menggalakkan jurugambar bebas/gig untuk bekerjasama mencipta rangkaian di mana mereka boleh memiliki, menyumbang dan menjual karya pada harga yang berpatutan.

### 4.3.4 Inovasi dan Teknologi

Pandemik COVID-19 telah mempercepat penerimaan inovasi dan teknologi oleh perniagaan dan pengguna. Perluasan perkhidmatan dalam talian, pendigitalan industri, kerja jarak jauh dan kemahiran digital tenaga kerja adalah perubahan utama yang berlaku semasa tempoh pandemik. Trend ini juga telah mempercepatkan penggubalan dasar dan pelan transformasi digital Malaysia seperti Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).



## Peralihan asas dalam 'kebiasaan baharu' akibat COVID-19 mendorong pendigitalan dan penggunaan teknologi 4IR



### Pengguna beralih kepada perkhidmatan dalam talian

Krisis ini telah membawa kepada perubahan tingkah laku pengguna dengan peningkatan pergantungan kepada perkhidmatan dalam talian



### Pendigitalan industri

Pecutan pesat ekonomi dan platform digital dengan dorongan selanjutnya dalam automasi dan industri 4.0 untuk mengurangkan tenaga kerja manual



### Kerja jarak jauh

Kerja jarak jauh menjadi kebiasaan, di mana penyelarasan jarak jauh dan mempunyai infrastruktur digital yang kukuh akan menjadi kunci dalam model kerja masa hadapan



### Kemahiran tenaga kerja digital

Kemahiran semula secara besar-besaran diperlukan berikutan peningkatan pengangguran dan peralihan yang dipercepatkan kepada pendigitalan

Rajah 22: Peralihan Utama Digital dan Teknologi Semasa Pandemik COVID-19

Daripada perspektif perniagaan, pendigitalan dan penggunaan teknologi 4IR akan meningkatkan kecekapan operasi dan potensi pasaran.

Kebangkitan ekonomi digital memberikan cabaran baharu dalam perniagaan yang dijalankan koperasi. Sebilangan koperasi kini telah menawarkan perkhidmatan berasaskan platform seperti perkongsian kenderaan, khidmat penghantaran dan lain-lain. Perniagaan tersebut menggunakan laman web atau aplikasi mudah alih untuk menjual barangan atau perkhidmatan dan pada masa yang sama, melaksanakan prinsip kerjasama di mana keputusan secara demokratik dan pemilikan bersama platform diamalkan oleh pekerja dan pengguna.

Bagi koperasi di Malaysia, usaha mesti ditumpukan untuk menyokong pelaksanaan adaptasi inovasi dan penggunaan teknologi. Majoriti (60%) daripada koperasi yang menyertai tinjauan<sup>9</sup> memahami kepentingan trend ini. Namun begitu, masih ramai yang tidak mengambil sebarang tindakan, sebaliknya menggunakan pendekatan tunggu dan lihat.

### 4.3.5 Perubahan Iklim

Topik perubahan iklim telah mendapat perhatian global yang ketara dalam beberapa dekad kebelakangan ini, dengan kesannya boleh dilihat daripada pemanasan global, kejadian cuaca melampau, peningkatan paras laut, ketidakjaminan makanan, kehilangan biodiversiti, perpindahan penduduk, penyebaran penyakit dan sebagainya.

Dalam menangani cabaran global ini, kebanyakan negara termasuk Malaysia, telah mempunyai sumber yang

<sup>9</sup> Analisis perunding berdasarkan tinjauan yang dilaksanakan dari 23 Februari 2022 sehingga 16 Mac 2022 ke atas 754 koperasi Malaysia.


komited ke arah pembangunan mampan. Salah satu tema utama di bawah RMKe-12 adalah menumpukan kepada peningkatan kemampuan tenaga dan transformasi sektor air. Selain itu, di bawah Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2022 (COP27), Malaysia bersama 197 negara, telah menyatakan komitmen kepada tindakan yang berfokuskan kemampuan untuk:

- Menjadi negara pembebasan gas rumah hijau bersih sifar (net zero GHG) seawal 2050
- Menghapuskan arang batu secara berperingkat dan meningkatkan campuran tenaga boleh diperbaharui daripada 17% pada 2021 kepada 31% menjelang 2025 dan 40% menjelang 2035

Disebabkan trend ini, perniagaan, termasuk koperasi, perlu melakukan transformasi untuk menangani cabaran masa hadapan. Ini termasuk pematuhan kepada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021, menerapkan kemampuan dalam strategi dan operasi, serta memenuhi permintaan rantaian bekalan global untuk produk mampan, memandangkan pelanggan menjadi lebih bijak dalam membeli pada masa hadapan.

Secara khususnya, program pendidikan dan kesedaran sangat penting dalam meningkatkan pemahaman koperasi mengenai bidang ini.

### Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 – 2025



Rajah 23: Komitmen Malaysia Terhadap Kemampuan di bawah RMKe-12

## 4.4 Anjakan Paradigma

Melihat kepada cabaran dan trend yang dikenal pasti, koperasi hendaklah berevolusi dengan keadaan semasa untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam pertumbuhan dan pembangunan sosioekonomi Malaysia.

Koperasi perlu menganjak paradigma menjadi lebih aktif dari aspek ekonomi, berpaksikan komuniti, bertenaga dan bersedia untuk masa hadapan.

### Ciri-ciri utama

### Keadaan semasa

### Anjakan

Aktif Secara  
Ekonomi



- Koperasi kurang menyumbang secara signifikan kepada KDNK negara
- Penciptaan produk dan perkhidmatan yang kurang memenuhi permintaan pasaran



- Koperasi menyumbang secara signifikan kepada prestasi ekonomi negara
- Penciptaan produk dan perkhidmatan yang setanding dengan PMKS bagi memenuhi permintaan pasaran

Berpusatkan  
Komuniti



- Koperasi adalah entiti yang dipacu keuntungan dan berfokuskan dividen



- Koperasi adalah entiti yang mengutamakan komuniti untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi dan sosial anggota

Muda dan  
Bertenaga



- Kurang penglibatan belia dan profesional, hanya 1.4% daripada 7.3 jumlah anggota koperasi
- Persepsi terhadap operasi yang kurang cekap (keputusan yang memerlukan undian anggota) dan mencabar untuk diurus (disebabkan oleh satu anggota satu undian)



- Koperasi generasi baharu pilihan belia dan profesional
- Koperasi sebagai model keusahawanan pilihan

Bersedia  
Masa Hadapan



- Koperasi kurang dalam adaptasi dan penggunaan teknologi



- Koperasi memanfaatkan teknologi untuk kecekapan operasi

Rajah 24: Anjakan Paradigma Sektor Koperasi di Malaysia

**5**

# **Dasar Koperasi Malaysia 2030**



## 5. Dasar Koperasi Malaysia 2030

### 5.1 Gambaran Keseluruhan Dasar

#### 5.1.1 Pernyataan Dasar

### **“Membina sektor koperasi yang berdaya tahan dan berprestasi tinggi”**

Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) merupakan hala tuju strategik bagi pembangunan koperasi dalam meningkatkan prestasi ekonomi dan kesejahteraan sosial anggotanya dengan visi untuk menjadikan sektor ini sebagai pemangkin utama pertumbuhan sosioekonomi Malaysia.

Dalam usaha memenuhi aspirasi ini, sebuah ekosistem yang dinamik akan diwujudkan bagi memastikan semua anggota koperasi dan segenap lapisan masyarakat Malaysia dapat memanfaatkan dan meneroka sepenuhnya potensi masing-masing dalam bidang keusahawanan melalui model koperasi.



## 5.1.2 Objektif Dasar

Objektif utama DaKoM 2030 adalah seperti berikut:



### **Pertumbuhan Ekonomi**

Sektor koperasi menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.



### **Produktif dan Aktif**

Membentuk koperasi yang berkemampuan dan kukuh serta diterima rakyat Malaysia.



### **Model Perniagaan Pilihan**

Meletakkan koperasi sebagai model perniagaan pilihan dalam memacu pembangunan sosioekonomi Malaysia.

## 5.1.3 Sasaran Dasar

DaKoM 2030 telah menggariskan sasaran strategik bagi memastikan sektor koperasi mencapai aspirasi untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi Malaysia pada tahun 2030.

Sasaran yang ditetapkan adalah seperti berikut:

**RM60 bilion jumlah perolehan pada 2025 dan RM73 bilion pada 2030**



**62% koperasi aktif pada 2025 dan 65% pada 2030**

**75 skor IndeKA<sup>10</sup> pada 2025 dan 80 pada 2030**



<sup>10</sup> Indeks Kesejahteraan Anggota (IndeKA), petunjuk yang dibangunkan untuk mengukur tahap kesejahteraan anggota koperasi

#### 5.1.4 Kerangka Dasar

Anggota yang mengamalkan prinsip dan nilai koperasi merupakan asas dalam pembentukan sektor koperasi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi Malaysia. Justeru, kerjasama kolektif di antara kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan melalui pelaksanaan strategi dan inisiatif yang digariskan di bawah DaKoM 2030 adalah signifikan bagi mewujudkan ekosistem koperasi yang dinamik.

Terdapat **empat (4) prinsip asas** yang akan menjadi panduan bagi pelaksanaan DaKoM 2030:

##### **Menyatukan**

Memperkuhkan peranan badan kawal selia dan pembangunan koperasi iaitu SKM, IKMa dan ANGKASA bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan sokongan yang diberikan kepada gerakan koperasi.

##### **Mendidik**

Mendidik semula koperasi mengenai prinsip dan nilai koperasi melalui latihan, pengiktirafan dan peningkatan institusi pendidikan yang berkaitan untuk memupuk koperasi masa hadapan.

##### **Membangun**

Meningkatkan kecekapan operasi dalaman koperasi melalui sokongan kewangan, latihan dan pengenalan piawaian industri untuk menggalakkan koperasi meneroka bidang pertumbuhan baharu.

##### **Berkembang**

Meningkatkan peranan sosioekonomi koperasi melalui pelbagai aktiviti seperti penglibatan dalam projek nasional dan serantau serta memperkasakan gerakan koperasi melalui koperasi puncak (apex) dan koperasi gabungan / federasi.

Empat (4) prinsip asas ini dikaitkan secara langsung dengan empat (4) teras dasar dan seterusnya disokong oleh 20 strategi untuk menambah baik bukan sahaja pembangunan koperasi, tetapi keseluruhan ekosistem sektor ini.



Visi

## Sektor koperasi pemangkin utama pertumbuhan sosioekonomi Malaysia

Objektif Dasar



### A Pertumbuhan ekonomi

Menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia



### B Produktif dan aktif

Membentuk koperasi yang berkemampuan dan kukuh serta diterima oleh rakyat Malaysia



### C Model perniagaan pilihan

Meletakkan koperasi sebagai model perniagaan pilihan dalam memacu pembangunan sosioekonomi Malaysia

Prinsip Asas

### MENYATUKAN

### MENDIDIK

### MEMBANGUN

### BERKEMBANG

Teras Dasar

1



Mentransformasikan sokongan koperasi ke arah pembangunan ekosistem yang lebih holistik dan kondusif

2



Meningkatkan kefahaman dan penghayatan prinsip koperasi

3



Meningkatkan kapasiti dan keupayaan koperasi

4



Memajukan sektor koperasi sebagai wahana pembangunan sosioekonomi utama

## 20 STRATEGI

Fokus Industri



Hospitaliti



Makanan & Minuman



Pembuatan



Pengangkutan



Penjagaan Kesihatan



Perkhidmatan Kewangan



Perkhidmatan Perniagaan



Pertanian




Peruncitan & Pengguna

Rajah 25: Kerangka Dasar Koperasi Malaysia 2030

## 5.2 Teras Dasar dan Strategi

Empat (4) teras dasar telah dibangunkan dengan penumpuan kepada penambahbaikan dan pengukuhan operasi dalaman koperasi dan seterusnya memacu perubahan persekitaran luaran.

Teras dasar tersebut mengandungi 20 strategi pemangkin bagi merencanakan pelan hala tuju DaKoM 2030 yang terperinci dalam mencapai objektif yang disasarkan.



Rajah 26: Teras Dasar dan Strategi di Bawah Dasar Koperasi Malaysia 2030

## 5.2.1 Teras Dasar 1: Mentransformasikan sokongan koperasi ke arah pembangunan ekosistem yang lebih holistik dan kondusif

Pembangunan sektor koperasi diterajui oleh KUSKOP selaku Kementerian yang bertanggungjawab dalam menetapkan dasar dan hala tuju sektor koperasi. Peranannya disokong oleh badan kawal selia dan pembangunan koperasi iaitu SKM, IKMa dan ANGKASA. Penjarangan dan mekanisme yang terselaraskan diperlukan daripada pihak-pihak ini bagi memastikan dasar dan hala tuju strategik yang dirancang dapat dilaksanakan dengan teratur.

Sehubungan itu, teras dasar ini bertujuan untuk mewujudkan ekosistem yang holistik dan kondusif bagi pembangunan koperasi. Di bawah teras dasar ini, peranan dan tanggungjawab SKM, IKMa dan ANGKASA akan diselaraskan dan diperkukuh bagi menyokong pertumbuhan dan pembangunan koperasi secara berkesan dan sepadu.

Tumpuan juga akan diberikan untuk mengukuhkan peranan koperasi dalam pembangunan sosioekonomi. Koperasi akan memainkan peranan dalam menggalakkan kerjasama antara koperasi ke arah pembangunan dan pemerkasaan aspek ekonomi dan sosial anggota, serta masyarakat.

## Terdapat 4 strategi di bawah Teras Dasar 1:



### Strategi 1

#### Memperkasakan peranan badan kawal selia dan pembangunan koperasi

- a. Menyemak dan menambahbaik perundangan dan peraturan yang berkaitan dengan pembangunan koperasi untuk memperkasakan spektrum kepimpinan dan pengurusan badan kawal selia dan pembangunan koperasi.
  - o Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665]: Mentadbir penubuhan SKM.
  - o Akta Kolej Koperasi (Pemerbadanan) 1968 [Akta 437]: Mentadbir pemerbadanan IKMa.
  - o Akta Koperasi 1993 [Akta 502]: Mentadbir penubuhan, pendaftaran, pengendalian dan pengurusan koperasi.
  - o Akta dan Peraturan lain yang berkaitan koperasi.
- b. Menyelaras peranan ANGKASA sebagai entiti koperasi puncak (apex) dengan KUSKOP, SKM dan IKMa dari aspek pembangunan dasar, sokongan, pengoperasian dan pelaksanaan.



### Strategi 2

Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan koperasi

- a. Meningkatkan penggunaan analitik data.
  - o Menambahbaik proses pelaporan data dan penciptaan repositori pusat data koperasi.
- b. Menambahbaik pengukuran prestasi melalui pembangunan indikator baharu.
  - o Membangunkan indikator sumbangan KDNK dan eksport untuk menilai prestasi kewangan koperasi.
  - o Menambahbaik indikator dalam 'Indeks Kesejahteraan Anggota' (IndeKA) untuk menilai kesejahteraan anggota koperasi.
  - o Menambahbaik indikator dalam 'Indeks Gerakan Koperasi' (IGK) untuk menilai impak dan pemahaman koperasi terhadap masyarakat dan alam sekitar.



### Strategi 3

Meningkatkan penglibatan industri dalam khidmat nasihat untuk pembangunan perniagaan dan ekonomi

- a. Melaksanakan dasar untuk meningkatkan penglibatan pakar bebas dalam semua jawatankuasa dalaman, ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:
  - o Pakar dalam persada koperasi Malaysia.
  - o Pakar dalam industri utama diceburi koperasi Malaysia .
- b. Membangunkan garis panduan dan keperluan minimum mengenai pelantikan pakar.



### Strategi 4

Memantapkan peranan sosial koperasi melalui sokongan bersasar

- a. Meningkatkan peranan koperasi sebagai perusahaan sosial (SE).
  - o Menggalakkan koperasi yang melaksanakan projek keusahawanan sosial dan menggunakan semula sebahagian besar keuntungan mereka untuk kesejahteraan anggota benefisiari memohon penarafan sebagai SE. Oleh yang demikian, koperasi tersebut boleh menikmati faedah yang disediakan khusus untuk SE seperti sokongan pembiayaan tambahan, akses kepada rangkaian SE dan sebagainya.
  - o Menggalakkan pekerja syarikat membentuk koperasi untuk melaksanakan pengambilalihan atau pembelian ekuiti syarikat.

#### Kajian Kes:

Undang-undang Ekonomi Sosial dan Perpaduan (SSE) Perancis membenarkan koperasi yang menggunakan semula sebahagian besar keuntungan mereka untuk faedah anggota diklasifikasikan sebagai perusahaan sosial dan menerima faedah seperti pinjaman konsesi dan sokongan rangkaian kerjasama.

## 5.2.2 Teras Dasar 2: Meningkatkan kefahaman dan penghayatan prinsip koperasi

Prinsip koperasi merupakan panduan kepada koperasi di seluruh dunia dalam menguruskan operasi dan menjalankan aktiviti. Namun begitu, masih terdapat koperasi tempatan dan anggotanya yang tidak mengamalkan atau menerapkan prinsip-prinsip ini sepenuhnya dalam pelaksanaan aktiviti ekonomi dan sosial. Pembangunan komuniti, kolaborasi dan kerjasama, serta penglibatan dan pendidikan anggota perlu dipertingkatkan memandangkan koperasi masih dilihat sebagai medium untuk mendapatkan pulangan dividen yang lebih tinggi sahaja.

Selain itu, koperasi sering bergelut untuk menarik golongan belia dan profesional yang merupakan kunci dalam mendapatkan kumpulan bakat pelapis untuk memimpin dan mengurus koperasi. Kesedaran dalam kalangan belia dan profesional tentang faedah koperasi agak rendah. Persepsi orang awam terhadap koperasi secara amnya juga kurang baik kerana produk dan perkhidmatan koperasi dianggap tidak dapat memenuhi jangkaan pasaran dan dilihat kurang menarik untuk usaha masa hadapan.

Sehubungan itu, terdapat keperluan mendesak untuk mendidik koperasi dan orang awam tentang konsep dan prinsip koperasi bagi meningkatkan kefahaman mengenai peranan sektor ini kepada pertumbuhan sosioekonomi.

Teras dasar ini memberi tumpuan kepada mendidik bakal usahawan, belia dan orang awam tentang model koperasi dan faedah yang ditawarkan. Program komprehensif juga perlu dianjurkan untuk mendidik semula koperasi

mengenai prinsip koperasi serta peranan mereka dalam pembangunan masyarakat dan negara. Ini adalah untuk memastikan semua lapisan masyarakat menyedari kepentingan model koperasi dan melihatnya sebagai wadah transformasi sosioekonomi yang berdaya maju.

### Terdapat 5 strategi di bawah Teras Dasar 2:



#### Strategi 5

##### Membentuk pemikiran berteraskan koperasi

- a. Meningkatkan penghayatan prinsip koperasi melalui pengukuhan kursus wajib.
  - o Mengendalikan kursus secara berstruktur sebagai persediaan kepada koperasi yang baru/mahu mendaftar. Bagi koperasi sedia ada, kursus ini boleh dilaksanakan semasa latihan wajib untuk anggota lembaga dan pengurusan koperasi.
  - o Melaksanakan ujian mudah dan ringkas untuk memastikan pemahaman penuh prinsip koperasi.
  - o Mengadakan kursus terbuka kepada anggota koperasi melalui modul pembelajaran secara dalam talian dan memasukkan prinsip koperasi sebagai sebahagian daripada pengisian mesyuarat agung.



### Strategi 6

#### Memupuk amalan ESG (Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus)

- a. Memperkenalkan modul latihan ESG sebagai subjek utama di bawah kursus sedia ada.
  - o Membangunkan kursus dengan kerjasama agensi berkaitan dan pemain industri yang pakar dalam ESG.
  - o Menjajarkan kursus yang dianjurkan dengan piawaian utama industri dan antarabangsa seperti *Global Reporting Initiative (GRI)*, *Sustainability Accounting Standards Board (SASB)*, *Task Force on Climate-related Financial Disclosures (TCFD)* dan sebagainya.



### Strategi 7

#### Membangunkan generasi baharu pemimpin koperasi

- a. Menggalakkan kerjasama antara koperasi dengan memanfaatkan program sedia ada seperti Profil 100 Koperasi Terbaik.
  - o Memasukkan sesi perkongsian pengetahuan mengenai amalan terbaik secara berkala ke dalam program.
  - o Mensasarkan golongan belia dalam sesi perkongsian pengetahuan melalui kerjasama penganjuran program dengan pelbagai koperasi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan badan profesional.

- b. Meningkatkan pengetahuan mengenai industri melalui kerjasama dengan pihak swasta dan pakar industri untuk membangunkan program kepimpinan yang selaras dengan trend dan amalan terkini industri.



### Strategi 8

#### Meningkatkan pengetahuan koperasi melalui pengukuhan peranan federasi koperasi

- a. Menggalakkan federasi koperasi mengambil peranan yang lebih aktif dalam pembangunan sektor koperasi.
  - o Menghubungkan koperasi antara satu sama lain untuk merangsang kerjasama atau penggabungan melalui persidangan atau sesi meja bulat.
  - o Mendidik koperasi mengenai faedah kerjasama atau penggabungan.
  - o Mengukuhkan maklumat dan pangkalan data koperasi untuk menyediakan akses kepada anggota terhadap sokongan dan bimbingan yang diperlukan.
- b. Menggalakkan koperasi mendaftar ke dalam federasi koperasi yang ditubuhkan.



## Strategi 9

### Mendorong keterangkuman melalui model koperasi

- a. Menarik minat belia untuk menyertai koperasi.
  - o Menganjurkan pertandingan yang menggalakkan penyertaan dalam kalangan belia untuk menangani cabaran ekonomi dan sosial melalui model koperasi, dengan memasukkan modul pembangunan koperasi ke dalam program. Pemenang bukan sahaja mendapat sokongan pembiayaan tetapi juga menerima bimbingan daripada panel koperasi yang berpengalaman.
- b. Mengesyorkan model koperasi kepada kumpulan minoriti.
  - o Menganjurkan program kesedaran dan jangkauan di peringkat akar umbi melalui promosi dari pintu ke pintu, dialog awam, sesi temu mesra dan sebagainya bagi mendidik kumpulan minoriti seperti orang asli dan pribumi di Sabah dan Sarawak mengenai impak ekonomi dan sosial yang ditawarkan oleh sektor koperasi dari aspek perkongsian kos dan sumber, pembangunan komuniti dan sokongan sosial.

- c. Mendidik orang awam tentang model koperasi, pembiayaan, bantuan dan faedah yang disediakan.
  - o Menggunakan saluran dalam talian dan luar talian untuk menyebarkan maklumat seperti perkongsian di media sosial, penganjuran webinar, jerayawara, bicara wara dan sesi perkongsian ilmu.

#### Kajian Kes:

Rangkaian Belia ICA menganjurkan Projek Replikasi Belia yang memilih beberapa koperasi yang diterajui belia dan memberikan sokongan kepada mereka.



### 5.2.3 Teras Dasar 3: Meningkatkan kapasiti dan keupayaan koperasi

Rahsia kejayaan bagi sesebuah organisasi, termasuk koperasi, adalah pengurusan dalaman yang berkesan dan kebolehsuaian perniagaan. Pengurusan kanan dan anggota lembaga memainkan peranan penting dalam mengurus dan mentadbir operasi serta membangunkan hala tuju strategik sesebuah koperasi. Namun begitu, terdapat koperasi yang bergelut dalam memenuhi tugas asas pentadbiran seperti penyelenggaraan akaun, penyediaan penyata kewangan dan pengauditan. Pengurusan kanan beberapa koperasi juga didapati kurang cekap dan terlibat dalam aktiviti ketidakpatuhan.

Selain itu, perkembangan trend seperti pendigitalan dan kemampanan juga menjadi kunci kepada perubahan demografi pasaran dan peralihan pilihan pengguna. Impak krisis kesihatan seperti pandemik COVID-19 telah mempercepatkan lagi penggunaan teknologi seperti transaksi e-dagang dan pembayaran mudah alih. Walau bagaimanapun, masih terdapat koperasi yang belum mengadaptasi trend ini, sama ada menerapkan teknologi ke dalam operasi atau mendigitalkan pengurusan pelanggan.

Oleh yang demikian, adalah penting untuk menambah baik pengurusan dan kebolehsuaian koperasi, terutamanya dalam penggunaan teknologi digital bagi menghadapi keadaan ekonomi yang sentiasa berubah.

Teras dasar ini melihat kepada strategi meningkatkan kapasiti dan keupayaan koperasi sedia ada dan baharu dalam pelbagai aspek pembangunan. Bidang seperti pendigitalan, pengurusan kewangan dan operasi perlu ditekankan melalui latihan formal serta kerjasama dengan

koperasi tempatan dan luar negara yang berjaya untuk perkongsian pengetahuan dan pembelajaran. Teras dasar ini juga memberi tumpuan kepada menarik penyertaan golongan profesional ke dalam sektor koperasi, yang mana ia akan membantu menyemarakkan semula imej koperasi sebagai entiti yang dinamik, bertenaga, moden dan profesional.

#### Terdapat 6 strategi di bawah Teras Dasar 3:



#### Strategi 10

##### Mentransformasikan pendekatan koperasi terhadap pengurusan dan operasi

- a. Meningkatkan kecemerlangan operasi koperasi.
  - o Memperkukuh penguatkuasaan ke atas Akta Koperasi 1993 [Akta 502] untuk menambah baik pengurusan rekod kewangan, audit dan amalan simpan kira.
  - o Membangunkan kriteria dan garis panduan untuk memilih anggota lembaga dan pengurusan koperasi dengan lebih baik.
  - o Membatalkan pendaftaran koperasi dorman dan melaksanakan pemulihan koperasi yang tidak aktif untuk mengurangkan kadar koperasi dorman / tidak aktif.
- b. Memperkukuh pembangunan modal insan koperasi.
  - o Meningkatkan keupayaan anggota lembaga melalui kursus wajib yang relevan dengan kepimpinan dan pengurusan perniagaan.
  - o Menggalakkan golongan profesional menyertai koperasi melalui insentif.

- c. Memacu kemampuan dengan memperkenalkan prinsip ESG (Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus) dan SDG (Matlamat Pembangunan Mampan) melalui kempen kesedaran dan pelaksanaan garis panduan amalan ESG dan SDG.

#### Kajian Kes:

Di bawah undang-undang PMKS dan gabungan koperasi di Jepun, entiti yang ditubuhkan mesti memiliki jawatankuasa pengurusan perniagaan yang terdiri daripada profesional perniagaan dan industri.



### Strategi 11

#### Meningkatkan pertumbuhan industri utama koperasi

- a. Meningkatkan potensi dan pertumbuhan perniagaan koperasi melalui bimbingan pemasaran.
  - o Keutamaan adalah kepada koperasi dalam industri seperti peruncitan, makanan dan minuman, hospitaliti, penjagaan diri dan kesihatan.
  - o Melaksanakan program latihan dan bimbingan dengan agensi pemasaran luar mengenai:
    - Pemasaran digital dan penjenamaan
    - Penggunaan media sosial
    - Carian atau iklan dalam talian
  - o Mengukuhkan keterlihatan koperasi dalam jangkauan pasaran.



### Strategi 12

#### Memperkuh kesiapsiagaan dan pengurusan krisis koperasi

- a. Memperkuh keupayaan koperasi untuk menangani krisis melalui skim perlindungan insurans.
  - o Mengadaptasi model dana insurans di mana koperasi akan melanggannya dengan kemungkinan dipakejkan bersama Kumpulan Wang Amanah Pembangunan/ Pendidikan Koperasi (KWAP)
  - o Memanfaatkan bank koperasi sedia ada sebagai penaja jamin insurans tersebut.
  - o Mewujudkan usaha wajar (*due diligence*) dalam proses kelulusan untuk mengelakkan penyalahgunaan dengan memanfaatkan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) untuk mengesan penipuan
- b. Meningkatkan keupayaan pengurusan krisis melalui pengenalan kursus seperti pembangunan pelan kelangsungan perniagaan, pengurusan krisis dan bencana.



### Strategi 13

#### Memajukan koperasi ke era digital

- a. Memudahcara pendigitalan koperasi melalui latihan.
  - o Melaksanakan kursus digital berkaitan pengurusan dan perniagaan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan digital anggota koperasi.
- b. Memudahcara pendigitalan koperasi melalui pembiayaan.
  - o Membangunkan program pembiayaan untuk koperasi melaksanakan inisiatif pendigitalan seperti e-dagang, analitik data raya, pengkomputeran awan dan sebagainya.
- c. Memacu penyertaan koperasi dalam penggunaan teknologi.
  - o Melaksanakan program intervensi langsung untuk merangsang perkembangan koperasi dalam permulaan teknologi (*co-operatives in technology start-up*) seperti program pemecutan dan inkubasi, sokongan kewangan dan geran pembangunan teknikal, jaringan kerjasama dan akses pasaran.
- d. Menyediakan platform perkhidmatan dalam talian.
  - o Memanfaatkan platform *MyAssist MSME*<sup>11</sup> untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) atau membangunkan

platform perkhidmatan dalam talian seumpamanya khusus untuk koperasi bagi semua perkhidmatan berkaitan pendaftaran, pengurusan dan pembangunan perniagaan koperasi.

#### Kajian Kes:

Perikatan koperasi Vietnam menubuhkan sebuah pusat yang menyokong transformasi digital koperasi untuk membimbing dan melatih kemahiran digital.

<sup>11</sup> Platform khidmat nasihat perniagaan sehenti dalam talian, bagi membantu PMKS menangani permasalahan atau isu berkaitan perniagaan.



### Strategi 14

#### Memperkasakan semula daya saing koperasi melalui inovasi

- a. Menyediakan sokongan kewangan untuk aktiviti R&D koperasi.
  - o Memperkenalkan dana khas R&D dengan keutamaan kepada koperasi besar dan sederhana yang terlibat dalam industri pertumbuhan tinggi, sama ada dalam bentuk geran atau geran sepadan, pinjaman mudah atau pinjaman perniagaan biasa yang boleh digabungkan dengan dana R&D, inovasi dan pengkomersilan yang sedia ada di pasaran.
- b. Menyediakan sokongan bukan kewangan untuk aktiviti R&D koperasi.
  - o Melaksanakan program pembangunan kapasiti dan keupayaan secara berstruktur dengan kerjasama agensi seperti MRANTI dan SIRIM serta industri merangkumi modul penghasilan idea, penyelidikan, perlindungan harta intelek (IP), prototaip, ujian daya maju, strategi pengkomersilan dan pengkomersilan produk.



### Strategi 15

#### Membina kerjasama dengan koperasi terkemuka global

- a. Menggalakkan perkongsian amalan terbaik dan kerjasama dengan koperasi teratas global.
  - o Mengenal pasti koperasi teratas yang sesuai seperti ZEN-NOH (pertanian), REWE (peruncitan) dan Selectour (hospitaliti) untuk bekerjasama dalam bidang seperti pembangunan perniagaan, pemasaran produk, R&D dan pengukuhan rantaian bekalan.

#### Kajian Kes:

Koperasi yang berpangkalan di New Zealand, Fonterra telah bekerjasama dengan koperasi yang berpangkalan di Amerika Syarikat, Land O'Lakes untuk memperluas pengeluaran dan pendedaran mereka di pasaran tenusu Amerika Syarikat

#### 5.2.4 Teras Dasar 4: Memajukan sektor koperasi sebagai wahana pembangunan sosioekonomi utama

Sektor koperasi merupakan penyumbang yang signifikan kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia. Ia bertindak sebagai saluran untuk orang awam dan komuniti yang mempunyai objektif yang sama untuk bekerjasama, saling menyokong dan berkongsi sumber. Koperasi dibangunkan bukan sahaja sebagai penjana pendapatan, tetapi juga sebagai platform sokongan sosial untuk meningkatkan kesejahteraan anggotanya.

Inisiatif seperti penghibridan dan pemerksaan kawal selia membantu meningkatkan operasi dan perniagaan koperasi. Koperasi yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi untuk berkembang dalam pasaran baharu atau mengambil bahagian dalam projek serantau memerlukan sokongan lanjut untuk pembangunan. Dalam horizon jangka panjang, koperasi akan menjadi sektor yang bebas dan mandiri dengan campur tangan minimum daripada kerajaan sebagai pembuat dasar dan pengawal selia.

Sehubungan itu, teras dasar ini memberi tumpuan kepada memajukan sektor koperasi sebagai wahana pembangunan sosioekonomi utama negara. Melalui teras dasar ini, peranan ekonomi dan sosial koperasi akan ditingkatkan dengan sokongan dalam semua aspek pembangunan termasuklah kewangan, perundangan dan pasaran. Program tambahan akan diperkenalkan untuk menyediakan faedah bersasar kepada koperasi yang sedang berkembang ke pasaran baharu atau menyumbang kepada pembangunan sosial anggota dan masyarakat.

#### Terdapat 5 strategi di bawah Teras Dasar 4:



##### Strategi 16

##### Memupuk impak koperasi dalam sosioekonomi

- a. Menyokong koperasi bertaraf SE dalam membina kerjasama dengan pihak industri dan yayasan melalui pembiayaan langsung atau pelaksanaan aktiviti tanggungjawab sosial (CSR) secara bersama.
- b. Menggalakkan dan memberi insentif kepada koperasi yang melaksanakan aktiviti keusahawanan sosial melalui promosi dan kempen kesedaran.



##### Strategi 17

##### Meningkatkan sumbangan sektor koperasi dalam industri

- a. Melaksanakan kerjasama dengan kementerian berkaitan untuk meningkatkan penglibatan koperasi dalam projek industri, contohnya dalam projek liberalisasi elektrik, penggunaan 5G dan sebagainya.
- b. Mengkaji semula peraturan sedia ada dan memasukkan koperasi sebagai sebahagian daripada definisi entiti yang dibenarkan untuk menjalankan perniagaan di bawah perundangan industri tertentu seperti Akta Francais 1998 [Akta 590], Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], Akta Agensi pelaporan Kredit [Akta 710] dan sebagainya.

- c. Mengkaji kebolehlaksanaan untuk mengecualikan koperasi yang memenuhi kriteria tertentu daripada Akta Persaingan 2010 [Akta 712].

#### Kajian Kes:

Di Jepun, koperasi boleh menerima pengecualian di bawah Akta Anti-Monopoli jika terlibat dalam sektor tertentu atau memenuhi kriteria tertentu.



### Strategi 18

#### Memangkin pertumbuhan sektor koperasi melalui penggabungan dan penghibridan

- a. Meningkatkan syer pasaran koperasi melalui penggabungan.
  - o Membangunkan program untuk menggalakkan penggabungan antara koperasi berdasarkan potensi dan kesesuaian industri seperti penggabungan koperasi dalam industri pertanian dan peruncitan.
- b. Meliberalisasi akses koperasi kepada pembiayaan.
  - o Melaksanakan penghibridan koperasi yang membenarkan penciptaan syer subordinat untuk pelabur luar (tiada hak mengundi).

#### Kajian Kes:

Di kebanyakan negara seperti New Zealand dan Perancis, koperasi beroperasi seperti syarikat biasa, di mana ia dibenarkan mengeluarkan ekuiti baharu kepada pelabur dan mengumpul dana melalui bon.



### Strategi 19

#### Membina sektor koperasi yang bertaraf global

- a. Meningkatkan daya saing koperasi.
  - o Menyokong pembangunan koperasi berpotensi tinggi meluaskan pasaran ke peringkat global melalui program latihan dan bimbingan dalam memenuhi keperluan aktiviti eksport merangkumi pemasaran produk, pengedaran dan logistik global, lesen, permit, kastam, rangkaian dan kerjasama.
- b. Meningkatkan penyertaan koperasi dalam projek peringkat serantau.
  - o Menyokong penyertaan koperasi dalam projek peringkat serantau melalui program seperti jaminan kewangan, kerjasama awam – swasta (PPP) dan usaha sama dengan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).



## Strategi 20

### Membina sektor koperasi yang berdaya maju dan mandiri

- a. Koperasi mengambil peranan aktif dalam memenuhi aspirasi DaKoM 2030 dengan menetapkan visi dan melaksanakan atau terlibat secara langsung dalam inisiatif yang disyorkan untuk mengukuhkan keupayaan untuk berdikari melalui sokongan daripada ANGKASA dan federasi koperasi.
- b. Meliberalisasi perundangan dan kawal selia untuk menyelaraskan proses penubuhan dan pembangunan koperasi melalui kajian semula Akta 502 dan Akta 665.

#### Kajian Kes:

Entiti koperasi apex di United Kingdom dan New Zealand telah mengambil peranan aktif dalam mentadbir dan menetapkan hala tuju mereka sendiri dengan penglibatan minimum daripada kerajaan.



### 5.3 Fokus Industri

Bagi memastikan transformasi sektor koperasi yang bersasar dan efektif di bawah DaKoM 2030, sembilan (9) industri telah dikenal pasti dan akan bertindak sebagai pemacu utama pembangunan sektor koperasi.

Industri tersebut dinilai berdasarkan:

- (a) **Potensi industri**, yang dilihat melalui saiznya, potensi pertumbuhan, potensi penciptaan pekerjaan dan sinergi dengan trend global; dan
- (b) **Kesesuaian industri**, yang dilihat melalui kesesuaian industri dalam memacu dan memenuhi pembangunan sektor koperasi, khususnya sinerginya dengan landskap koperasi tempatan dan global.



1. **Hospitaliti:** Pemulihan daripada krisis COVID-19 semakin mengukuh kerana seluruh dunia telah membuka sempadan negara masing-masing bagi kegiatan ekonomi dan sosial. Penglibatan aktif koperasi dalam aktiviti hospitaliti dan pelancongan membantu meningkatkan lagi perolehan koperasi dalam industri ini. Koperasi pekerja boleh memainkan peranan penting sebagai platform sokongan untuk tenaga kerja dalam industri ini. Penggabungan antara pemain industri dan koperasi kecil boleh membantu meningkatkan jangkauan pasaran dan pembinaan rantaian bekalan.



2. **Makanan dan Minuman:** Pemulihan daripada krisis COVID-19 telah meningkatkan pertumbuhan dalam industri ini berikutan permintaan yang tertunda. Trend kemampuan telah mengubah pilihan pengguna seperti penggunaan plastik sekali pakai, penyumberan dan kitaran bahan, yang mana ia membuka peluang kepada koperasi untuk menawarkan produk inovatif bagi menyokong rantaian bekalan industri ini.



- 3. Pembuatan:** Walaupun pembuatan merupakan salah satu industri terbesar di Malaysia, penglibatan koperasi dalam industri ini masih rendah dan belum diteroka sepenuhnya. Koperasi puncak (apex) dan koperasi gabungan / federasi boleh memainkan peranan untuk menyokong dan menghubungkan koperasi dalam mengumpulkan sumber, kepakaran, dan pengetahuan mengenai industri ini. Pelbagai insentif boleh didapati daripada pelaksanaan dasar dan pelan nasional mengenai sektor pembuatan dan perindustrian untuk dimanfaatkan oleh koperasi.



- 4. Pengangkutan:** Peningkatan permintaan untuk perkhidmatan logistik dan penghantaran didorong oleh trend pendigitalan perniagaan. Ia membuka peluang baharu kepada koperasi untuk mengisi jurang dalam rantaian nilai, terutamanya bagi khidmat penghantaran terakhir di kawasan terpencil atau luar bandar. Trend kemampuan juga mengubah landskap industri ini di mana koperasi boleh memainkan peranan aktif dalam penggunaan kenderaan elektrik (EV) dan kenderaan berautonomi (AV).



- 5. Penjagaan Kesihatan:** Trend penjagaan kesihatan dan keselamatan yang semakin mengukuh akibat krisis COVID-19 memberikan peluang kepada koperasi menceburi industri ini dan membuka peluang kepada koperasi untuk pengumpulan sumber R&D dan pelaburan. Selain itu, perubahan demografi dan populasi yang menua (*ageing population*) menawarkan pasaran baharu yang belum lagi diterokai oleh koperasi seperti khidmat penjagaan warga emas.



- 6. Perkhidmatan Kewangan:** Perkhidmatan kewangan merupakan industri terbesar koperasi di Malaysia dengan latar belakang prestasi yang cemerlang. Perubahan keutamaan pengguna kepada perkhidmatan transaksi tanpa sentuh dan mudah alih memberi peluang industri ini untuk terus berkembang bagi memenuhi keperluan segmen masyarakat yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan secara langsung terutamanya di kawasan luar bandar, di mana koperasi mempunyai kewujudan yang signifikan.



- 7. Perkhidmatan Perniagaan:** Perubahan ekonomi yang berasaskan perkhidmatan telah meningkatkan pertumbuhan dalam industri ini. Koperasi boleh menjadi pemacu industri perkhidmatan perniagaan terutamanya kepada anggota yang terlibat dalam ekonomi 'gig' sebagai platform untuk mereka bekerjasama dan berkongsi sumber. Penggunaan teknologi seperti analitik data raya dan pengkomputeran awan adalah antara kunci untuk kekal berdaya saing dalam industri ini.



- 8. Pertanian:** Pertanian merupakan salah satu industri utama terpenting bagi sektor koperasi di Malaysia dan di peringkat global. Kepentingan keterjaminan makanan menyebabkan industri ini mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi. Trend pendigitalan dan perubahan iklim dijangka memberikan peluang kepada koperasi untuk bertindak sebagai platform bagi pemain industri ini mengumpulkan dan berkongsi sumber untuk pelaburan dalam teknologi baharu seperti pertanian pintar dan ekopertanian yang sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030 (DAN 2.0).



- 9. Peruncitan dan Pengguna:** Pemulihan daripada krisis COVID-19 telah meningkatkan pertumbuhan industri ini disebabkan oleh permintaan yang tertunda. Trend pendigitalan telah memberi peluang baharu kepada koperasi untuk meluaskan jangkauan kepada pelanggan melalui platform e-dagang dan pemasaran digital. Penggabungan dengan pemain industri dan kerjasama antara koperasi akan meningkatkan sinergi dalam perluasan akses pasaran dan rantaian bekalan barangan dan perkhidmatan koperasi.

Namun begitu, penglibatan sektor koperasi tidak terhad kepada sembilan (9) industri ini sahaja. Potensi dan peluang dalam industri lain mengikut perkembangan semasa juga akan turut diteroka untuk diceburi secara aktif.



6

# Struktur Tadbir Urus



## 6. Struktur Tadbir Urus

Tadbir urus pelaksanaan DaKoM 2030 akan diselia oleh Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Pelaksanaan (JPPP) di KUSKOP dan gerak kerja pemantauan akan dilaksanakan oleh Pejabat Pengurusan Transformasi (TMO) di SKM. Tugas pemantauan oleh TMO akan disokong oleh beberapa pasukan kerja yang bertanggungjawab untuk pelaporan prestasi dan pelaksanaan di lapangan. TMO bersama pasukan kerja masing-masing akan menyediakan pelan tindakan yang menggariskan program, aktiviti, sasaran dan garis masa yang diperlukan untuk melaksanakan semua strategi dan inisiatif di bawah setiap teras dasar.



Rajah 27: Struktur Tadbir Urus Dasar Koperasi Malaysia 2030

### 6.1 Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Pelaksanaan (JPPP)

Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Pelaksanaan (JPPP) berperanan untuk memberi panduan hala tuju strategik sektor koperasi secara menyeluruh terhadap pelaksanaan DaKoM 2030. JPPP akan meneliti dan mengesahkan laporan kemajuan yang disediakan oleh TMO setiap suku tahun mengenai pencapaian KPI dan sasaran yang ditetapkan di bawah DaKoM 2030.

JPPP dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KUSKOP dan dibantu oleh Timbalan Ketua Setiausaha KUSKOP yang bertanggungjawab untuk pembangunan koperasi. Jawatankuasa ini terdiri daripada Bahagian di KUSKOP yang bertanggungjawab terhadap dasar dan pembangunan koperasi serta badan kawal selia dan pembangunan koperasi iaitu SKM, IKMa dan ANGKASA. Selain itu, Kementerian dan Agensi berkaitan serta wakil industri akan menganggotai Jawatankuasa ini bagi memberi khidmat nasihat teknikal dan kepakaran yang berkaitan.

## 6.2 Pejabat Pengurusan Transformasi (TMO)

Pejabat Pengurusan Transformasi (TMO) di SKM berperanan untuk menerajui gerak kerja pemantauan pelaksanaan DaKoM 2030 dari aspek kemajuan strategi dan inisiatif, pencapaian KPI, serta melaksanakan intervensi yang diperlukan ke atas program. TMO bertanggungjawab merangka pelan tindakan bagi pelaksanaan dasar ini bersama setiap pasukan kerja yang terdiri daripada pemilik program daripada KUSKOP, SKM, IKMa dan ANGKASA serta lain-lain kementerian dan agensi berkaitan. TMO akan menyediakan laporan kemajuan berkala setiap suku tahun kepada JPPP mengenai pencapaian DaKoM 2030.

## 6.3 Pasukan Kerja

Pasukan kerja akan diketuai oleh seorang pengurus dan ahlinya terdiri daripada pemilik program yang bertanggungjawab melaksanakan strategi dan inisiatif di bawah setiap teras dasar DaKoM 2030 berdasarkan pelan tindakan yang dirangka oleh TMO. Pemilik program akan menyediakan laporan kemajuan berkala kepada pengurus pasukan kerja dan melaporkan sebarang isu atau cabaran yang memerlukan intervensi daripada TMO atau JPPP. Pasukan kerja juga boleh terdiri daripada wakil kementerian dan agensi berkaitan sekiranya inisiatif tersebut melibatkan kerjasama dengan pelbagai pihak.





7

# Melangkah ke Hadapan



## 7. Melangkah ke Hadapan

DaKoM 2030 mewakili langkah dan aspirasi nasional untuk memartabat dan mentransformasikan sektor koperasi sebagai pemacu utama pertumbuhan sosioekonomi negara. Ia mengandungi dasar dan strategi yang sejajar dengan DKN 2030 dan RMKe-12 untuk menjadikan Malaysia negara yang makmur, inklusif dan mampan.

**Tiga (3) objektif yang disasarkan untuk sektor koperasi di bawah DaKoM 2030 ialah:**

- Menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.
- Membentuk koperasi yang berkemampuan dan kukuh serta diterima rakyat Malaysia.
- Meletakkan koperasi sebagai model perniagaan pilihan dalam memacu pembangunan sosioekonomi Malaysia.

Gerakan koperasi yang berpegang teguh kepada prinsip koperasi merupakan asas dalam mencapai objektif tersebut. Oleh yang demikian, DaKoM 2030 menggariskan empat (4) teras dasar yang dikaitkan secara langsung dengan empat (4) prinsip asas iaitu menyatukan, mendidik, membangun dan berkembang. Pelaksanaannya disokong oleh 20 strategi untuk menambah baik bukan sahaja pembangunan koperasi, tetapi keseluruhan ekosistem sektor ini.

**Hasil transformasi yang dihasratkan di bawah empat (4) teras dasar DaKoM 2030 ialah:**

- **Menyatukan** peranan dan tanggungjawab badan kawal selia dan pembangunan serta pemegang taruh utama koperasi untuk mewujudkan ekosistem sokongan yang bersepadu untuk koperasi, serta mengukuhkan keupayaan pihak-pihak ini dalam melaksanakan program dan inisiatif dengan berkesan

**MENYATUKAN**



- **Mendidik** koperasi, belia, usahawan, kumpulan minoriti seperti orang asli dan pribumi di Sabah dan Sarawak, serta orang awam tentang konsep, prinsip dan semangat gerakan koperasi, serta mempromosikan manfaat model koperasi untuk menjana usaha ekonomi dan sosial

**MENDIDIK**



- **Membangun** kapasiti dan keupayaan dalaman koperasi melalui kecemerlangan tadbir urus dan pengurusan, serta menyokong usaha koperasi dalam bidang pertumbuhan baharu terutamanya teknologi dan digital

**MEMBANGUN**



- Koperasi **berkembang** menjadi antara entiti perniagaan terbaik di peringkat serantau dan global melalui program intervensi aktif dan pemeraksanaan kawal selia, serta memacu agenda pembangunan sosioekonomi negara

**BERKEMBANG**



Rajah 28: Keberhasilan Dasar Koperasi Malaysia 2030

Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) akan berfungsi sebagai pelan tindakan untuk merealisasikan inisiatif dan program berdasarkan teras dasar dan strategi di bawah DaKoM 2030. Kejayaan pelaksanaan DaKoM 2030 bergantung kepada kerjasama dan sokongan yang berkesan daripada semua pihak termasuk kerajaan dan agensinya, badan kawal selia dan pembangunan koperasi, koperasi, pemimpin industri, serta orang awam. DaKoM 2030 akan membolehkan sektor koperasi menjadi pemangkin teras kepada transformasi sosioekonomi negara.



# Penghargaan



## Penghargaan

Amanah Ikhtiar Malaysia  
Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad  
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad  
Bank Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad  
Co-op Bank Pertama Malaysia Berhad  
Institut Keusahawanan Negara  
Institut Koperasi Malaysia  
Koperasi Anggota Kerajaan dan Swasta Negeri Perlis Berhad  
Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad  
Koperasi AS Sofa Negeri Sembilan Berhad  
Koperasi Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad  
Koperasi Bina Bersama Kampong Gajah Perak Berhad  
Koperasi Borneo Malaysia Berhad  
Koperasi Felda Bukit Cherakah Selangor Berhad  
Koperasi Felda Hilir Tujuh Berhad  
Koperasi Jelai 3 Gemas Berhad  
Koperasi Jimat-Cermat dan Pinjaman Wang Guru-guru Sekolah Cina Kedah dan Perlis Berhad  
Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad  
Koperasi Kakitangan Universiti Teknologi Mara Berhad  
Koperasi Keluarga Wadi Sofi Terengganu Berhad  
Koperasi Kesatuan Pekerja Pekerja Perdagangan Berhad  
Koperasi Kg Jimah Baru Seremban Berhad

Koperasi Koperasi Vokasional Kajang Berhad  
Koperasi Ladang Berhad  
Koperasi Lembaga Zakat Negeri Kedah Berhad  
Koperasi Mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu Berhad  
Koperasi Mutlaq Perak Berhad  
Koperasi National Union of Commercial Workers Berhad  
Koperasi Nelayan Heng Hwa Berhad  
Koperasi Orang Melayu Parit 4/5 Sungai Besar Berhad  
Koperasi Pasar Mingguan Beseri Berhad  
Koperasi Pelaburan Pekerja Proton Berhad  
Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Bau Berhad  
Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Bera Berhad  
Koperasi Pendidikan Usahawan Berhad  
Koperasi Peneroka Felda Menggong Melaka Berhad  
Koperasi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Berhad  
Koperasi Permai Daerah Manjung Berhad  
Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad  
Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad  
Koperasi Peserta-peserta Rancangan FELCRA Gugusan Gual Dalam Berhad  
Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad  
Koperasi Renesas KL Kuala Langat Berhad  
Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad  
Koperasi Segar Apartment Berhad  
Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad  
Koperasi Siswa UITM Selangor Berhad

Koperasi Sri Sekawan Kulai Berhad  
Koperasi Tadika Minden Pulau Pinang Berhad  
Koperasi Tentera Berhad  
Koperasi Ukhwah Malaysia Berhad  
Koperasi Unikeb Berhad  
Koperasi Unit Peladang Sungai Tekam Utara Jerantut Berhad  
Koperasi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Berhad  
Koperasi Universiti Putra Malayisa Berhad  
Kementerian Belia dan Sukan  
Kementerian Dalam Negeri  
Kementerian Ekonomi  
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah  
Kementerian Kewangan  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup  
Kementerian Perladangan dan Komoditi  
Kementerian Pertahanan  
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan  
Perbadanan Nasional Berhad  
Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

TEKUN Nasional

Urban Development Authority Holdings Berhad

Semua responden dan peserta koperasi yang mengambil bahagian dalam tinjauan kajian dan bengkel konsultasi awam yang dijalankan, Kementerian dan Agensi, pihak industri, persatuan-persatuan dan dewan-dewan perniagaan, usahawan serta mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pembangunan DaKoM 2030.





# Rujukan



# Rujukan

Angkatan Kerjasama Kebangsaan Malaysia Berhad. (2017). ANGKASA'S Strategic Plan Development (2017-2050). Selangor: Angkatan Kerjasama Kebangsaan Malaysia Berhad.

Unit Perancang Ekonomi. (2021). Rancangan Malaysia ke-12. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi

Unit Perancang Ekonomi. (2021). Rangka Tindakan (blueprint) Ekonomi Digital Malaysia. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.

Unit Perancang Ekonomi. (2021). Dasar Revolusi Perindustrian Ke-4 Negara. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi.

Akta Francais 1998. (1998). Akta Francais 1998. Kuala Lumpur: Akta Francais 1998.

International Cooperative Alliance. (2022). World Cooperative Monitor. Brussels: International Cooperative Alliance.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. (2021). Dasar Agro Makanan Negara 2.0 2021-2030. Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia. (2019). Pelan Gentian Optik Dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) 2019-2023. Putrajaya: Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. (2020). Dasar Keusahawanan Negara 2030. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. (2022). Pelan Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. (2018). Industri 4WRD 2018-2025. Putrajaya: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (2019). Dasar Pembangunan Luar Bandar 2019-2030 . Putrajaya: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2002). Dasar Koperasi Negara (2002-2010). Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2011). Dasar Koperasi Negara (2011-2020). Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2017). Laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2017. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2018). Laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2018. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2018). Statistik Koperasi 2018. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2018). Indeks Gerakan Koperasi Malaysia. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2019). Laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2019. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2019). Statistik Koperasi 2019. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2020). Laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2020. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2020). Statistik Koperasi 2020. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2021). Laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2021. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2021). Statistik Koperasi - operative Statistics 2021. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2022). Statistik Koperasi 2022. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2022). Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. (1966). Akta Pembangunan Perumahan 1966. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. (1967). Akta Cukai Pendapatan 1967. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. (1967). Akta Cukai Pendapatan 1967. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. (1968). Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 [Akta 437]. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. (1992). Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia Commissioner of Law Revision, Malaysia.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. (1993). Akta Koperasi 1993 (Akta 502). Putrajaya: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia.

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. (1995). Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia (1998). Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998. Kuala Lumpur: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia. (2007). Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Act 665).

Putrajaya: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang,  
Malaysia

Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia (2010).  
Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010. Kuala Lumpur:  
Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia



# Akronim



## Akronim

4IR	Revolusi Perindustrian Keempat	KUSKOP	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
AI	Kecerdasan buatan	KWAP	Kumpulan Wang Amanah Pembangunan/ Pendidikan Koperasi
ANGKASA	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad	MRANTI	<i>Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation</i>
APAC	Asia Pasifik	MyDIGITAL	Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia
AV	Kenderaan berautonomi	MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
COP27	Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2022	MSME	Micro, Small & Medium Enterprises
CSR	Tanggungjawab sosial korporat	NTUC	<i>National Trades Union Congress</i>
DaKoM	Dasar Koperasi Malaysia	NZ	<i>New Zealand</i>
DAN 2.0	Dasar Agromakanan Negara 2021 – 2030	PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
DDE	Pemeriksaan Usaha Wajar	PPP	Kerjasama awam – swasta
DKN	Dasar Koperasi Negara / Dasar Keusahawanan Nasional	R&D	Penyelidikan dan Pembangunan
ESG	Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus	RM	Ringgit Malaysia
EV	Kenderaan elektrik	SASB	<i>Sustainability Accounting Standards Board</i>
GHG	Gas Rumah Hijau	SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
GLC	Syarikat berkaitan kerajaan	SE	Perusahaan sosial
GRI	<i>Global Reporting Initiative</i>	SIRIM	Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia
IKMa	Institut Koperasi Malaysia	SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
IndeKA	Indeks Kesejahteraan Anggota	SSE	Ekonomi Sosial dan Perpaduan
IP	Perlindungan harta intelek	TCFD	<i>Task Force on Climate-related Financial Disclosures</i>
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi	TMO	Pejabat Pengurusan Transformasi
JENDELA	Jalanan Digital Negara	TransKoM	Pelan Transformasi Koperasi Malaysia
JPPP	Jawatankuasa Pemandu Pemantauan Pelaksanaan	USD	Dollar Amerika
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar		
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>		





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

**Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62668 Putrajaya, Malaysia  
Tel : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 3712  
[www.kuskop.gov.my](http://www.kuskop.gov.my)



**Suruhanjaya Koperasi Malaysia**

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : 03-2083 4000 | Faks : 03-2083 4100  
[www.skm.gov.my](http://www.skm.gov.my)



**Institut Koperasi Malaysia**

No. 103, Jalan Templer  
46700 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia  
Tel : 03-7964 9000 | Faks : 03-7957 0434  
[www.ikma.edu.my](http://www.ikma.edu.my)